

▼30/10/18-17MST

CNS6243

U:GB 30-10 00221 BD689

bah

**DR MAHATHIR SAHKAN GHAFAR LETAK JAWATAN TIMBALAN PRBSIDBN UMNO**

KOTA BAHRU, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan telah menerima surat perletakan jawatan Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden UMNO berkuatkuasa Isnin ini.

"Saya tidak ada apa-apa komen, cuma itu keputusan dia. Dia baru hañtar surat kepada saya dan perletakan jawatannya bermula pada 1 Nov," katanya kepada pemberita mengenai perletakan jawatan Ghafar itu.

Beliau berkata serentak dengan itu, Ghafar juga tidak akan merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 3 Nov ini.

Ketika ditanya mengenai keputusan Ghafar untuk tidak hadir ke Perhimpunan Agung UMNO sehari selepas mesyuarat agung Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu, Dr Mahathir berkata, itu adalah keputusan Ghafar sendiri.

"Kita jemput juga dan kita hendaklah kalau dia boleh hadir," katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Mini Konvensyen UMNO Negeri Kelantan di Perdana Resort, dekat sini.

Pegawai Khas Ghafar, Abdul Rahman Yunus menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO, jawatan kelima yang dilepaskan oleh Ghafar kepada Dr Mahathir melalui Ketua Setiausaha Sulit beliau, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Sebelum ini Ghafar telah melepaskan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Setiausaha Agung Barisan Nasional. -- Bernama

AL AKD

▼30/10/18-16MST